



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 1/2009**

**PENGEKALAN SYARAT NYATA TANAH DI BAWAH KATEGORI
PERTANIAN UNTUK KEGUNAAN SAWAH**

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliling ini dikeluarkan adalah sebagai makluman kepada semua Pentadbir Tanah berhubung arahan pengekalan syarat nyata tanah di bawah kategori pertanian untuk kegunaan sawah.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri Sembilan telah menetapkan suatu dasar di mana Kerajaan Negeri berhasrat untuk meningkatkan pengeluaran padi di Negeri Sembilan daripada 20% pada masa ini kepada 40% dalam masa empat (4) tahun akan datang.
- 2.2 Bagi mencapai hasrat tersebut, pelbagai agensi pelaksana, antaranya Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Pertanian Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Lembaga Pertubuhan Peladang telah memulakan program pemuliharaan tanah sawah terbiar di seluruh Negeri Sembilan.

- 2.3 Majlis Tindakan Negeri yang bermesyuarat pada 10 Mac 2009 telah menyarankan agar suatu arahan pentadbiran dikeluarkan supaya tanah kategori pertanian bagi tujuan sawah tidak ditukar syarat kepada tanaman lain.

3. PEMAKAIAN

- 3.1 Kelulusan bagi permohonan untuk menukar syarat nyata tanah di bawah kategori pertanian yang tidak melebihi 40 hektar (tidak termasuk tanah yang berdampingan dengan tanah ladang yang dipegang oleh pemilik yang sama) adalah di bawah kuasa Pentadbir Tanah sebagaimana yang terkandung dalam perwakilan kuasa WKNS No. 314 (Tambahan No. 1) bertarikh 17 Ogos 2006.
- 3.2 Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri dan keputusan Majlis Tindakan Negeri di atas, Pentadbir Tanah perlu maklum dan memastikan bahawa sebarang permohonan yang diterima untuk menukar syarat nyata tanah sawah tidak dipertimbangkan untuk kelulusan. Permohonan yang diterima hendaklah ditolak mengikut bidang kuasa yang telah diwakilkan kepada Pentadbir Tanah Daerah.

4. TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta. Pentadbir Tanah hendaklah memastikan bahawa pelaksanaan pekeliling ini dipatuhi sepenuhnya.



(DATO' ZAFFARUDIN BIN SHARIF)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 30 Mac 2009

Rujukan : (26) dlm. PTG.NS 10/14 Klt. 2

Senarai Edaran

Pentadbir Tanah Daerah

Seremban
Port Dickson
Tampin
Kuala Pilah
Rembau
Jelebu
Jempol

Timbalan Pentadbir Tanah
Daerah Kecil Gemas

Edaran Dalaman

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pg)
Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pd)
Penolong Pengarah Tanah dan Galian (P/HM)
Penolong Pengarah Tanah dan Galian (HM/S)
Penolong Pengarah Tanah dan Galian (H)
Penolong Pengarah Tanah dan Galian (P)
Penolong Pengarah Tanah dan Galian (PT)
Penolong Pengarah Tanah dan Galian (TM)
Penolong Pengarah Tanah dan Galian (U)

s.k. Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B Menteri Besar Negeri Sembilan
YB. Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan
YB. Penasihat Undang-Undang Negeri, Negeri Sembilan
YB. Pegawai Kewangan Negeri, Negeri Sembilan